

# Campak syabu RM769,050 ke laut

FOTO: APMM KEDAH DAN PERLIS



Zawawi (tengah) menunjukkan dadah jenis syabu yang dicampak penyeludup berhampiran perairan Pulau Singa Besar, Langkawi pagi semalam.

Sindiket jadikan Pulau Langkawi sebagai transit untuk pasaran dadah antarabangsa

WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR

LANGKAWI

**A**genси Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kedah dan Perlis berjaya menggagalkan cubaan sekumpulan individu menyeludup dadah jenis syabu bernilai RM769,050 di perairan Langkawi kira-kira jam 3.15 pagi semalam.

Pengarah Maritim Negeri

Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, dadah seberat lima kilogram itu dicampak oleh suspek di kedudukan 3.1 batu nautika barat daya Pulau Singa Besar selepas pasukannya mingejar bot tersebut.

Menurutnya, bot *Petir 81* yang sedang melaksanakan rondaan Ops Benteng Laut telah mengesan bot suspek.

“Ketika rondaan tersebut, salah seorang suspek bertindak mencampakkan satu objek ke laut sebelum memecut bot ke arah sempadan perairan negara.

“Dalam keadaan cuaca buruk dan laut bergelora, bot Maritim Malaysia berpatah balik bagi mendapatkan objek yang dibuang dan anggota penguat kuasa telah menemui sebuah kotak berwarna coklat dibalut plastik lut sinar terapung di laut,”

katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Zawawi berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemui lima bungkus plastik lut sinar dengan anggaran berat sekilogram setiap satu disyaki berisi dadah jenis syabu.

“Kita percaya modus operandi sindiket dadah ini dari negara jiran dengan menjadikan Pulau Langkawi sebagai transit untuk pasaran antarabangsa. Gerakan memburu suspek masih dilakukan.

“Orang awam yang mempunyai maklumat boleh salurkan kepada Pusat Operasi Maritim Negeri,” katanya.

Katanya, semua hasil rampasan dibawa ke Jeti APMM Bukit Malut Langkawi untuk tindakan lanjut dan disiasat mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.